

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Anggota keluarga pengurus Kumpulan Modal Perdana antara penumpang pesawat MH370	Bernama.com
2	Isteri, anak bekas CEO Celcom dalam pesawat	Berita Harian
3	Tiada laporan cuaca berbahaya di kawasan perairan Malaysia ketika MH370 hilang	Bernama.com
4	Operasi pemberian awan ditangguh	Bernama.com
5	Kehilangan pesawat MH370: Tumpuan terarah kepada dua penumpang misteri	Bernama.com

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)**



## **Anggota Keluarga Pengerusi Kumpulan Modal Perdana Antara Penumpang Pesawat MH370**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Isteri dan anak pengerusi Kumpulan Modal Perdana Datuk Mohamed Ramli Abbas merupakan antara 239 penumpang yang menaiki pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang dilaporkan hilang awal hari ini.

Adik ipar Mohamed Ramli, Salmy Hashim berkata isteri bekas Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Datin Biby Nazli Mohd Hassim bersama dua anak perempuan mereka Maria dan Dina telah menaiki pesawat itu untuk bercuti ke Beijing.

Salmy yang merupakan pemberita sambilan Bernama di Washington, Amerika Syarikat memberitahu BernamaTV, turut serta bersama Biby dan keluarganya dalam penerbangan itu adalah kakaknya Noorida.

Salmy berkata beliau tidak menyangka perbualan menerusi laman sosial skype bersama dua kakak dan dua anak buahnya minggu lepas merupakan detik terakhir mereka berhubung sebelum dilaporkan hilang.

Beliau ketika dihubungi tidak dapat menahan sebak berikutkan insiden yang menimpa keluarganya dan berkata: "Saya dapat tahu tentang kejadian ini malam tadi (waktu tempatan) bila anak saudara saya memanggil saya."

"Mak dia iaitu kakak saya, dengan dua orang anak dan kakak lagi seorang dalam pesawat. Jadi saya cuma tahu melalui telefon," kata Salmy yang merupakan anak ke enam daripada sembilan beradik.

Salmy turut berharap agar pesawat itu ditemui dan kesemua penumpang berada dalam keadaan selamat.

Pesawat MH370 itu hilang daripada radar setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 12.41 pagi tadi menuju ke Beijing, China. Ia sepatutnya mendarat di Beijing 6.30 pagi waktu tempatan.

Sementara itu, Nur Afizan Ayob, 30, berkata abang iparnya Junaidi Mohd Kassim, 37, berkhidmat sebagai kru penerbangan MAS hampir 15 tahun, mempunyai dua anak masing-masing berusia 11 dan sembilan tahun hasil perkahwinan dengan kakaknya Nur Azlinda.

Beliau berkata akhir-akhir ini abang iparnya yang dikenali dengan sikap tegas agak berubah ketika kali terakhir beliau bertemu dengan keluarganya di Kelana Jaya semalam.

Junaidi memaklumkan beliau akan kembali ke tanah air Isnin ini, dan akan memasukkan duit ke dalam akaun Tabung Haji ibu mertuanya, katanya kepada pemberita ketika ditemui di Anjung Tinjau KLIA, tempat berkumpul keluarga penumpang pesawat itu.

Seorang surirumah, Kesumawati Nordin memberitahu Bernama sepupunya Norli Akmar Hamid turut berada di dalam pesawat itu untuk bercuti ke Beijing bersama suaminya Muhammad Razahan Zamani yang dikahwininya setahun yang lepas.

Majikan Norli yang enggan dikenali pula berkata Norli merupakan pekerja yang rajin, mengambil cuti selama dua minggu sejak 27 Feb lepas untuk ke Beijing.

Sementara itu seorang pemandu lori P. Siva Subramanian, 33, berkata bapa saudaranya, S. Puspanathan, 34, menaiki pesawat itu untuk ke China atas urusan kerja.

"Bapa saudara saya bekerja di Petronas dan menaiki pesawat MAS malam tadi dan saya amat terkejut apabila keluarga saya memberitahu perkara ini kepada saya.

"Saya harap dia selamat dan dapat bertemu semula dengan dia," katanya ketika ditemui pemberita.

Siva Subramanian berkata bapa saudaranya mempunyai seorang isteri dan dua anak lelaki masing-masing berusia empat tahun dan sembilan bulan.

Exco Kerajaan negeri Selangor Ronnie Liu Tian Khiew berkata rakan sekolahnya Wong Sai Sang, 53, adalah antara penumpang pesawat itu.

"Semalam saya baru mengucapkan selamat hari lahir kepada Wong melalui Facebook beliau," katanya.

Sementara itu, adik kepada Ketua Pramugara pesawat itu, Ambrose Nari berkata abangnya, Andrew Nari, 49 tahun, seorang yang sangat berdedikasi dengan pekerjaannya sehingga sukar untuk meminta cuti.

"Malah, kalau dia sakit pun, dia akan pergi bekerja," katanya kepada Bernama di sini sambil menambah abangnya sudah berkhidmat dengan MAS selama 24 tahun.

Ambrose berkata isteri abangnya, Melanie Antonio, 40-an, dan dua orang anaknya, seorang perempuan berusia 17 tahun dan lelaki berusia 13 tahun amat sedih dengan perkhabaran itu tetapi tenang menanti sebarang maklumat lanjut daripada pihak berkuasa.

"Saya dan ahli keluarga yang lain sedang berkumpul di rumahnya di Puchong untuk menanti sebarang maklumat terbaru mengenai kejadian itu. Kami berharap dan berdoa agar tiada kejadian buruk berlaku.

"Bagaimanapun, kami terima apa juu kenyataan," katanya yang kali terakhir menghubungi abangnya dua hari lepas.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)

## Isteri, anak bekas CEO Celcom dalam pesawat

**Kuala Lumpur:** Isteri dan anak Penggerusi Kumpulan Modal Perdana, Datuk Mohamed Ramli Abbas adalah antara 239 penumpang yang menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370.

Adik ipar Mohamed Ramli, Salmy Hasim, berkata isteri bekas Ketua Pegawai Eksekutif Celcom, Datin Biby Nazli Mohd Hassim bersama dua anak perempuan mereka, Maria dan Dina menaiki pesawat itu untuk bercuti ke Beijing.

Salmy, pemberita sambilan *BERNAMA* di Washington, Amerika Syarikat memberitahu *BERNAMATV*, turut serta bersama Biby dan keluarganya dalam penerbangan itu adalah kakaknya, Noorida.

Salmy berkata, beliau tidak menyangka perbualan menerusi laman sosial *skype* bersama dua kakak dan dua anak buahnya minggu lalu adalah detik terakhir mereka berhubung sebelum dilaporkan hilang.

BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)**



## **Tiada Laporan Cuaca Berbahaya Di Kawasan Perairan Malaysia Ketika MH370 Hilang**

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Tiada sebarang perubahan cuaca ketara berhampiran perairan Malaysia yang dilihat boleh mengancam penerbangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 pada waktu ia dilaporkan hilang.

**Pegawai Meteorologi Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia Khairul Najib Ibrahim** berkata keadaan cuaca dari pukul 12 tengah malam hingga 3 pagi iaitu pada masa kejadian dilaporkan, tidak memberi ancaman kepada pesawat berdasarkan imej satelit diperoleh daripada Agensi Meteorologi Jepun.

Walaupun Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan amaran tentang keadaan angin kencang dan laut bergelora semalam, namun ia hanya bagi kawasan perairan Sabah dan Sarawak tanpa melibatkan kawasan disyaki, katanya ketika dihubungi di sini hari Ahad.

Penerbangan MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing bersama 227 penumpang dan 12 anak kapal itu dilapor hilang daripada radar pada pukul 1.30 pagi semalam, kira-kira sejam setelah berlepas dari KLIA.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)**



## **Operasi Pemberian Awan Ditangguh**

KAJANG, 9 Mac (Bernama) -- Operasi pemberian awan Ahad dan Isnin ditangguh berikutan keutamaan pesawat kini diberi kepada operasi mencari MH370 milik Malaysia Airlines (MAS) yang hilang sejak awal pagi Sabtu.

**Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pemberian Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak** berkata mengikut jadual asal, operasi itu sepatutnya dijalankan secara berterusan sehingga 16 Mac.

"Hari ini juga kita telah bersedia di Markas Operasi Udara Tentera Udara Diraja Malaysia pada 1 tengah hari untuk lakukan pemberian awan di Selangor dan utara Negeri Sembilan, namun dimaklum ia terpaksa ditangguhkan," katanya kepada Bernama.

Pemberian awan dilakukan agar hujan turun dalam keadaan cuaca panas serta kering, yang menyebabkan paras air empangan berkurangan sehingga catuan bekalan terpaksa dilakukan, membabitkan banyak kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor.

Pesawat MH370 itu, yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi Sabtu bersama 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang dalam perjalanan ke Beijing.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 09 MAC 2014 (AHAD)**



## **Kehilangan Pesawat MH370: Tumpuan Terarah Kepada Dua Penumpang Misteri**

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Episod kehilangan MH370 milik Malaysia Airlines (MAS) semalam kini tertumpu kepada dua penumpang misteri yang menaiki pesawat itu menggunakan pasport palsu milik warganegara Itali dan Austria.

Ketika anggota keluarga penumpang semakin resah apabila tiada penemuan selepas lebih daripada 24 jam, misteri dua penumpang itu menimbulkan pelbagai teori yang mengaitkan mereka dengan kehilangan pesawat MH370.

Selain memfokus kepada teori pesawat terhempas, laporan media asing dilihat mengaitkan kemungkinan MH370 dirampas atau meletup di udara.

Bagaimanapun, teori pesawat itu meletup di udara mungkin ditolak setelah akhbar The New York Times, yang memetik pegawai kerajaan Amerika Syarikat (AS) hari ini sebagai berkata data pemantauan awal yang diperiksa Pentagon mencadangkan MH370 tidak meletup di Laut China Selatan semalam berdasarkan sistem pemantauannya di seluruh dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika mengulas kemungkinan terdapat unsur ancaman penganas, berkata kerajaan tidak akan membuat sebarang kesimpulan tanpa bukti kukuh.

"Sekarang tak ada bukti kukuh, macam-macam teori melayang. Kita terpaksa mencari semua kemungkinan petunjuk dan kena siasat sebelum membuat kesimpulan kukuh," kata Najib kepada pemberita selepas merasmikan Program Penyatuan Nasional 2014 di sini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) Datuk Azaharuddin Abdul Rahman berkata pihaknya menyiasat pelbagai aspek, termasuk sama ada pesawat itu dirampas, namun tidak dapat mengesahkannya selagi MH370 belum dijumpai.

Pesawat Boeing 777-200 itu dilapor hilang daripada radar kira-kira dua jam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 12.41 pagi menuju Beijing, China. Ia sepatutnya mendarat di Beijing 6.30 pagi semalam.

Sehingga kini nasib pesawat itu, yang membawa 227 penumpang dari 14 negara termasuk 38 rakyat Malaysia selain 12 anak kapal, tidak diketahui.

Azaharuddin dalam sidang medianya mengesahkan dua penumpang misteri itu menaiki MH370 dan pihaknya mempunyai rakaman kamera litar tertutup sewaktu mereka mendaftar masuk ke dalam pesawat berkenaan.

Susulan itu, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata siasatan terperinci akan memberi tumpuan khusus kepada Jabatan Imigresen cawangan KLIA.

"Saya masih hairan tak kan (pegawai imigresen) tak boleh fikir, orang Itali dan Austria tapi muka macam orang Asia," katanya.

Mengikut laporan agensi berita CNN, dua penumpang misteri itu membeli tiket penerbangan secara bersama melalui China Southern Airlines.

CNN turut melaporkan pasport dua warganegara itu dilapor hilang beberapa tahun lepas di negara Asia Tenggara dan pihak berkuasa Itali serta Austria mengesahkan tiada rakyat mereka menaiki pesawat MH370.

Sementara itu, **Pegawai Meteorologi Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia Khairul Najib Ibrahim** berkata tiada sebarang perubahan cuaca ketara berhampiran perairan negara yang dilihat boleh mengancam penerbangan pesawat MH370 sewaktu ia dilaporkan hilang.

Sehingga 8.30 malam dalam sidang media terakhir untuk hari ini, Azaharuddin mengesahkan operasi mencari dan menyelamat yang menyaksikan penglibatan sejumlah 34 pesawat dan 40 kapal laut membabitkan aset negara dan luar negara, masih gagal mengesan pesawat MH370.

-- BERNAMA